

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : .....

PEGAWAI PENYEMAK : .....

ADAM BIN ABDUL HAJ  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 11/01/2021

DIBACA PADA: 13/02/2021

DILULUSKAN OLEH : .....

BAHARUDIN HJ. ALWI  
Ketua-Pendukung Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

30 JAMADILAKHIR 1442H/ 12 FEBRUARI 2021M

### PERKAHWINAN SYARIAT KEMBANG ZURIAT, KEKANG MAKSIAT

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

## “PERKAHWINAN SYARIAT KEMBANG ZURIAT, KEKANG MAKSIAT”

### KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا  
كَثِيرًا وَنِسَاءً

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

### **KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Dengan izin serta rahmat dari Allah SWT, kita berkesempatan sekali lagi hadir ke masjid ini, seterusnya bersama-sama mendirikan solat fardu Jumaat. Kesempatan yang amat bermakna ini diharap berupaya memotivasikan kita semua untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dalam erti kata mengerjakan segala yang diperintahkan dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai orang yang bertakwa serta sentiasa berada di bawah lembayung kasih dan rahmat Allah SWT.

### **PARA JEMAAH YANG MULIA!**

Dalam masyarakat kita hari ini, seolah-olah wujud satu trend “kahwin lewat”, iaitu sekitar umur tiga puluhan ke atas. Alasan umum yang diberikan oleh kelompok berkenaan adalah seperti belum ada duit, belum ada calon yang sesuai, belum sampai jodoh dan berbagai lagi. Kendati masing-masing mempunyai alasan yang tersendiri, namun apa yang membimbangkan kita sebagai masyarakat Islam adalah gejala kelahiran anak tidak sah taraf atau anak luar nikah yang menimbulkan pelbagai masalah terutama sekali dari segi penentuan nasab, penentuan wali nikah, pewarisan harta dan lain-lain lagi.

Dari tahun 2010 hingga 2015 misalnya, dilaporkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan 323,047 orang anak tidak sah taraf. Dan mungkin angka terkini lebih tinggi lagi. Data ini adalah bukti berlaku maksiat hubungan seks luar nikah atau zina dalam masyarakat. Antara lain, puncanya adalah kurangnya daya tahan mereka yang terbabit terhadap godaan budaya pergaulan bebas dan bahan-bahan lucah di media-media cetak dan sosial. Jika diteliti lebih lanjut, ia adalah akibat sikap mereka yang kurang peduli terhadap ajaran agama khususnya berkaitan dengan persoalan pahala dan dosa, persoalan nasab di samping persoalan balasan syurga dan neraka pada hari akhirat.

### **JEMAAH JUMAAT SEKALIAN!**



Sayugia disedari bahawa Islam melarang keras penganutnya daripada melakukan apa jua perkara yang menjurus ke arah perlakuan maksiat seperti zina. Ini termasuklah berdua-duan (lelaki dan perempuan yang bukan mahram), memakan atau meminum sesuatu yang mengkhayalkan serta memabukkan dan membaca atau menonton bahan-bahan yang boleh merangsang nafsu syahwat.

Firman Allah:--

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

**Maksudnya:** “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).” (S. al-Israa: 32)

Jelas dari firman Allah tersebut, melakukan sesuatu yang boleh mendorong kepada terjadinya maksiat zina sudah dilarang keras, apatah lagi melakukan zina. Ini kerana, zina menimbulkan banyak kerosakan, yang antaranya termasuklah pengguguran kandungan dan pembuangan bayi. Ini berlaku kerana orang yang berzina tidak bersedia menerima kelahiran bayi berkenaan sama ada disebabkan berasa malu ataupun takut dimarahi ibu bapa.

#### **PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!**

Sesungguhnya perkahwinan bukanlah perkara main-main atau cuba-cuba. Perkahwinan adalah sesuatu yang suci dan amat dianjurkan kerana ia adalah syariat bagi membina keluarga bahagia dan mengembang biak zuriat secara harmoni di samping mengelak maksiat. Sebagaimana firman Allah SWT:--

... فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا

مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكُمْ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٤٠﴾

**Yang bermaksud:** “...Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain), dua, tiga, atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.” (S. an-Nisa:3)

Istimewanya, ayat ini bukan sahaja menganjurkan perkahwinan membina rumahtangga, malahan turut memberi kelonggaran kepada kaum lelaki yang mampu berlaku adil beristeri sama ada dua, tiga atau empat orang. Adil yang dimaksudkan di sini merangkumi kesaksamaan dalam pemberian nafkah zahir dan batin kepada para isteri di samping memberi nafkah kepada anak-anaknya.

#### **SAUDARA MUSLIMIN YANG MULIA!**

Terdapat tiga perkara yang dianjurkan kita menyegerakannya apabila tiba waktunya. **Pertama**, mengerjakan solat apabila masuk waktunya; **kedua**, mengurus jenazah; dan **ketiga**, mengahwinkan anak yang sudah dipinang atau mahu berkahwin.

Sehubungan itu, al-Quran menyarankan para ibu bapa agar mengahwinkan anak-anak mereka yang masih bujang, bukan disebabkan fobia terhadap fenomena bujang terlajak atau anak dara

tua, tetapi apa yang lebih utama adalah untuk membina keluarga sakinah mengembang biak zuriat sekali gus mengekang perlakuan maksiat zina. Allah SWT menjelaskan melalui firmanNya:-

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ

فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

**Yang bermaksud:** "Dan kahwinkanlah orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang salih dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui." (S. an-Nuur: 32)

### PARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA!

Sesungguhnya Rasulullah SAW amat gembira jika umat baginda berkembang biak dan lebih ramai daripada umat-umat yang lain pada hari akhirat kelak. Justeru, adalah disarankan agar urusan perkahwinan tidak dipersulitkan dengan persoalan kos perbelanjaan majlis jamuan perkahwinan yang tinggi. Majlis yang dianjurkan secara besar-besaran dan meriah bukanlah jaminan jangka hayat perkahwinan itu akan kekal lama dan bahagia. Apa yang penting adalah keredaan ibu bapa mengahwinkan anaknya di samping keredaan mempelai menerima pasangan masing-masing seadanya serta bersedia dan sanggup melayari bahtera rumahtangga dengan ikhlas, komited dan sabar memikul amanah kerana Allah.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ

فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

**Maksudnya:** "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir." (S. Ar-ruum: 21)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمُ.



## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ.

آمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ

بِعَيْنَيْكَ إِلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَفَرَتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ

الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،  
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ  
بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesihatan, kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh MKN dan KKM bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

❖ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَسَلِّئُوا مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكُرْ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522127 @ 088-522142